

1. Apakah perbezaan antara lesen carigali dan lesen penjelajahan?

<u>Lesen Carigali</u>	<u>Lesen Penjelajahan</u>
<i>(Seksyen 41 Enakmen Mineral 2001)</i>	
i. Keluasan minima adalah 25 ha – 400 ha	i. Keluasan minima adalah lebih 400 ha – 20,000 ha
ii. Lesen dikeluarkan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun	ii. Lesen dikeluarkan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun

2. Adakah lesen carigali atau lesen penjelajahan wajib dimiliki oleh anak guam saya sebelum anak guam saya boleh memohon pajakan melombong?

Ya, pemohon pajakan melombong mesti memiliki lesen carigali / penjelajahan (Seksyen 41 Enakmen Mineral 2001) terlebih dahulu sebelum memohon pajakan melombong (Seksyen 63 Enakmen Mineral 2001).

Walaupun bagaimanapun bagi kes-kes tertentu pemohon boleh terus memohon pajakan melombong tanpa perlu memiliki lesen carigali/penjelajahan terlebih dahulu, namun bergantung kepada keputusan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri

3. Jika ya, apakah proses permohonan lesen carigali / penjelajahan, dokumen sokongan yang diperlukan, fi yang perlu dibayar dan masa yang diambil untuk memproses permohonan tersebut?

Proses permohonan lesen carigali / penjelajahan:-

- Pemohon perlu mengemukakan Borang 5A (Lesen Carigali - 6 salinan) / Borang 6A (Lesen Penjelajahan - 6 salinan) kepada Pejabat PTG disamping dokumen-dokumen sokongan seperti:-
 - i. Profil Syarikat
[Pemohon adalah jenis Syarikat Sendirian Berhad dengan modal dibenarkan adalah RM 1,000,000.00 (minima) dan modal berbayar RM 500,000.00 (minima) dengan pegangan saham bumiputera melebihi 51%]
 - Mengikut garis panduan di dalam Borang 5A/6A

- Maklumat mengenai syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia
 - Memorandum And Articles Of Association (MAA)
(*untuk memastikan bahawa syarikat ada kuasa untuk menjalankan kerja-kerja/aktiviti berkait dengan perlombongan*)
 - Termasuk ; Form 9, Form 49, Form 24, Form 32A, Form 44
- ii. Pelan Kawasan yang dipohon

➤ Fi yang perlu dibayar adalah seperti berikut:-

- i. Bayaran semakan pelan dan dokumen = RM80.00
- ii. Bayaran pelan surihan (bergantung kepada keluasan iaitu RM10.00 bagi 1 ha pertama dan seterusnya RM5.00 bagi setiap 5 ha)
- iii. Fi permohonan = RM200.00 (lesen penjelajahan) / RM100.00 (lesen carigali)
- iv. Fi perlesenan = RM300.00 (lesen Carigali)/RM500.00 (Lesen penjelajahan)
- v. Fi pegangan tahunan = RM200.00/unit(lesen carigali) / RM100.00/unit (lesen penjelajahan)

Sekiranya
lulus



*** **1 unit = 100 ha**

*** **i dan ii – Pekeliling PTG 3/2002**

*** **iii hingga v – Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Mineral 2003**

➤ Masa yang diambil untuk memproses permohonan tersebut adalah kira-kira **30 hari**. Walaubagaimanapun ianya bergantung kepada pengemukaan pandangan teknikal oleh jabatan-jabatan berkaitan, kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri (JKSMN) dan Mesyuarat MMK.

4. Apakah proses permohonan pajakan melombong, dokumen sokongan yang diperlukan, fi yang diperlu dibayar dan masa yang diambil untuk memproses permohonan tersebut?

Proses permohonan pajakan melombong (Seksyen 63 Enakmen Mineral 2001):-

- Pemohon perlu mengemukakan Borang 8A (6 salinan) kepada Pejabat PTG disamping dokumen-dokumen sokongan seperti:-
- i. Laporan Pra Kebolehlaksanaan yang disediakan oleh konsultan perlombongan

- ii. Profil Syarikat
[Pemohon adalah jenis Syarikat Sendirian Berhad dengan modal dibenarkan adalah RM 1,000,000.00 (minima) dan modal berbayar RM 500,000.00 (minima) dengan pegangan saham bumiputera melebihi 51%]
 - Mengikut garis panduan di dalam Borang 8A
 - Maklumat mengenai syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia
 - Memorandum And Articles Of Association (MAA)
(untuk memastikan bahawa syarikat ada kuasa untuk menjalankan kerja-kerja/aktiviti berkait dengan perlombongan)
 - Termasuk ; Form 9, Form 49, Form 24, Form 32A, Form 44
- iii. Pelan Kawasan yang dipohon

➤ Fi yang perlu dibayar adalah seperti berikut:-

- i. Bayaran semakan pelan dan dokumen = RM80.00
- ii. Bayaran pelan surihan (bergantung kepada keluasan iaitu RM10.00 bagi 1 ha pertama dan seterusnya RM5.00 bagi setiap 5 ha)
- iii. Fi permohonan = RM200.00
- iv. Fi perlesenan = RM500.00
- v. Fi sewa tanah tahunan = RM100.00/ha
- vi. Fi tahunan untuk Kumpulan Wang Pemulihan Bersama = RM 20,000.00 bagi tahun pertama
- vii. Royalti (5%)

Sekiranya
lulus



***** i dan ii – Pekeliling PTG 3/2002**

***** iii hingga vii – Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Mineral 2003**

- Masa yang diambil untuk memproses permohonan tersebut adalah kira-kira **34 hari**. Walaubagaimanapun ianya bergantung kepada pengemukaan pandangan teknikal oleh jabatan-jabatan berkaitan, kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri (JKSMN), Mesyuarat MMK dan pengemukaan pelan ukur halus (pelan akui) oleh Jurukur Berlesen yang dilantik oleh pemohon kepada pejabat PTG (sekiranya lulus)

5. Apakah proses permohonan Lesen Melombong Tuan Punya, dokumen sokongan yang diperlukan, fi yang diperlu dibayar dan masa yang diambil untuk memproses permohonan tersebut?

Proses permohonan lesen melombong tuan punya (Seksyen 81 Enakmen Mineral 2001) :-

- Pemohon perlu mengemukakan Borang 9A (6 salinan) kepada Pejabat PTG disamping dokumen-dokumen sokongan seperti:-
 - i. Laporan Pra Kebolehlaksanaan yang disediakan oleh Konsultan Perlombongan yang dilantik oleh pemohon
 - ii. Salinan Geran Tanah
 - iii. Cabutan Hakmilik Tanah
 - iv. Salinan Kad Pengenalan Tuan Tanah
 - v. Profil Syarikat (sekiranya tuan tanah mengadakan usahasama dengan mana-mana syarikat)
 - vi. Pelan Kawasan yang dipohon

 - Fi yang perlu dibayar adalah seperti berikut:-
 - i. Bayaran semakan pelan dan dokumen = RM80.00
 - ii. Bayaran pelan surihan (bergantung kepada keluasan iaitu RM10.00 bagi 1 ha pertama dan seterusnya RM5.00 bagi setiap 5 ha)
 - iii. Fi permohonan = RM200.00
 - iv. Fi perlesenan = RM500.00
 - v. Royalti (5%)
- Sekiranya
lulus
- *** ***i dan ii*** – ***Pekeliling PTG 3/2002***
*** ***iii hingga v*** – ***Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Mineral 2003***
- Masa yang diambil untuk memproses permohonan tersebut adalah kira-kira **34 hari**. Walaubagaimanapun ianya bergantung kepada pengemukaan pandangan teknikal oleh jabatan-jabatan berkaitan, kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri (JKSMN) dan Mesyuarat MMK